

254

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD

SOALAN : NO. 499

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) sebab utama kekurangan sambutan pelajar luar negara terhadap Sistem Pengajian IPTA/IPTS masa kini; dan
- (b) senaraikan jumlah pelajar luar negara mengikut negara dan IPTA/IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan kemasukan sebanyak 250,000 orang pelajar antarabangsa ke institusi pendidikan tinggi tempatan menjelang tahun 2025. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, peningkatan dan pengiktirafan kualiti universiti-universiti tempatan membantu menaikkan nama Malaysia di peringkat global.

Dalam usaha meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa, KPT mempertingkatkan penyelarasan berkaitan pengurusan pelajar antarabangsa supaya lebih mesra industri melalui kolaborasi dengan pihak berkepentingan. Kerjasama ini dilaksanakan melalui aktiviti promosi berimpak tinggi seperti Ekspo Pendidikan Antarabangsa, *Education Malaysia Solo Tours* dan program bersama ejen perekrutan. KPT pada masa yang sama menerokai pasaran baharu

dengan menawarkan program di IPT yang lebih inovatif antaranya ijazah berkembar atau program pendidikan eksekutif jangka pendek untuk golongan professional.

Usaha ini telah memperlihatkan hasil di mana pada tahun 2016, Malaysia dan Jerman diiktiraf sebagai yang terbaik dalam kalangan 26 negara dari segi dasar keterbukaan terhadap pendidikan tinggi antarabangsa oleh British Council melalui '*The Shape of Global Higher Education: National Policies Framework for International Engagement*'. Kuala Lumpur juga telah menerima pengiktirafan sebagai "*Most Affordable City in the World for Students*" sebanyak tiga kali berturut-turut iaitu bagi tahun 2013/2014, 2015/2016 dan 2016/17, mengikut laporan *QS Best Student Cities Survey*.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2017, jumlah pelajar antarabangsa di universiti awam adalah seramai 29,134 orang dan institusi pendidikan tinggi swasta seramai 108,272 orang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 137,406 orang berbanding dengan 132,710 orang pada tahun 2016. Antara negara asal pelajar antarabangsa di Malaysia adalah Bangladesh, Nigeria, China, Indonesia, Yemen, Iran, Iraq, Libya, Sudan dan lain-lain.